

15 JUL 1996

CAP: ABU BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP IKLAN ROKOK DI TV

PULAU PINANG, 15 Julai (Bernama) -- Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) hari ini menyalahkan Pertubuhan Penyiaran Asia (ABU) kerana membenarkan syarikat rokok, Rothmans of Pall Mall (M) Bhd menyiarkan iklan rokok di televisyen, kerana ia bertentangan dengan pendirian bahawa Sukan Olimpik di Atlanta bebas daripada rokok dan tanpa hubungkait dengan syarikat-syarikat rokok.

Presiden CAP, Haji S.M. Idris berkata ABU, yang telah mengadakan perundingan dengan Majlis Olimpik Antarabangsa (OIC) bagi mendapatkan hak penyiaran bagi pihak Malaysia dan 16 negara lain di Asia, gagal menangani masalah itu.

CAP, katanya, kecewa dengan IOC kerana gagal melaksanakan pendirian itu yang dicapai antara mereka dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Kebudayaan, Sains dan Pendidikan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), awal tahun ini.

Idris berkata sejak dua bulan lepas, penonton tv di Malaysia termasuk kanak-kanak terdedah kepada penyiaran iklan mengenai Sukan Olimpik itu yang ditaja oleh Peter Stuyvesant.

"Kita mengecam pengiklanan seperti itu kerana merokok merosakkan kesihatan dan menyebabkan kematian kepada lebih tiga juta orang setiap tahun," katanya dan menambah kata CAP juga kesal bahawa RTM dan TV3 tidak mempedulikan tanggungjawab sosial mereka kepada penonton demi mendapatkan keuntungan.

Idris berkata CAP akan menghantar surat bantahan sekali lagi kepada IOC dan menghubungi badan-badan anti-merokok lain untuk mendapat sokongan bagi tujuan itu.

CAP, tambahnya, tidak menerima sebarang jawapan terhadap surat rayuan yang dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dua bulan lepas.-- BERNAMA

RA OBA